

## KENYATAAN AKHBAR

### PRODUK TRADISIONAL “TWEE HONG SUA” DIPANGGIL BALIK KERANA MELEBIHI HAD MERKURI



1. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah membatalkan pendaftaran produk tradisional berdaftar iaitu *Twee Hong Sua* (MAL20034112T) yang dikesan mengandungi merkuri melebihi had yang dibenarkan dalam produk tradisional. Pihak syarikat yang bertanggungjawab ke atas pendaftaran produk tersebut, iaitu Hong Yang Hoo Pharma Sdn. Bhd. yang juga merupakan pengilang produk telah diarahkan untuk memberhentikan penjualan/pembekalan dengan serta merta dan memanggil balik kesemua stok produk *Twee Hong Sua* daripada pasaran berikutan empat kelompok produk tersebut yang bernombor 1103026, 1106013, 1111013 dan 1107011 dikesan mengandungi tahap merkuri yang tinggi.

2. Produk *Twee Hong Sua* digunakan secara tradisional untuk kanak-kanak bagi melegakan angin, sakit perut, loya, cirit-birit, batuk dan demam. Kesemua kelompok produk telah disampel di bawah aktiviti Pengawasan Mutu Produk Berdaftar yang dijalankan secara rutin oleh Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan didapati gagal ujian had merkuri dengan kandungan merkuri dikesan pada tahap tinggi melebihi had biasa yang dibenarkan iaitu 0.5 mg/kg.

3. Merkuri adalah sejenis logam berat yang dalam kuantiti berlebihan boleh menyebabkan kesan keracunan seperti rasa kebas atau gatal, sakit, pertukaran warna kulit (pipi, hujung jari dan jari kaki berwarna merah jambu), bengkak dan kulit mengelupas. Kesan yang lebih serius adalah kerosakan pada buah pinggang dan otak.

4. Orang ramai dinasihatkan supaya berhenti menggunakan produk *Twee Hong Suah* dengan serta-merta dan mendapatkan nasihat perubatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan keracunan. Pengguna produk tersebut boleh menghubungi BPFK di talian 03-78835546/5539 atau email kepada [bpfk@bpfk.gov.my](mailto:bpfk@bpfk.gov.my) untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut.

**Dato' Sri Dr. Hasan Bin Abdul Rahman**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia  
Merangkap Pengerusi PBKD  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Disember 2011

## PRESS RELEASE

### TRADITIONAL PRODUCT “TWEE HONG SUAH” RECALLED DUE TO HIGH MERCURY LEVEL



1. The Drug Control Authority (DCA) has cancelled the registration status of a traditional product named *Twee Hong Suah* (MAL20034112T) as it was found to exceed the permitted mercury limit allowed in traditional products. The marketing authorisation holder and also manufacturer, Hong Yang Hoo Pharma Sdn. Bhd. has been ordered to stop the sale and supply of *Twee Hong Suah* immediately and recall all stocks from the market, following 4 of its batches numbered 1103026, 1106013, 1111013, 1107011 were tested to contain high levels of mercury.

2. *Twee Hong Suah* is traditionally used for the symptomatic relief of flatulence (stomach wind), stomach-ache, mild vomiting, mild diarrhea, cough and fever in children. All batches sampled during routine Post Marketing Surveillance conducted by the National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB) failed the mercury test with high content exceeding the normal permitted level of 0.5mg/kg.

3. Mercury is a type of heavy metal if consumed in excessive quantity may cause poisoning symptoms such as numbness or itching, pain, skin discoloration (pink cheeks, fingertips and toes), swelling, and desquamation (shedding of skin). It can also cause serious effects such as brain and kidney damage.

4. The public is advised to stop using the product *Twee Hong Suah* and seek medical advice if experiencing any unpleasant effects or symptoms of poisoning. Consumers can contact NPCB at 03-78835546/5539 or email [bpfk@bpfk.gov.my](mailto:bpfk@bpfk.gov.my) for further enquiry or information.

**DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN**

Director General of Health Malaysia

As DCA Chairman

Ministry of Health Malaysia

December 2011